



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR**  
**Malaysia France Institute**

**FINAL EXAMINATION**  
**JANUARY 2011 SESSION**

---

SUBJECT CODE : MPW 1113  
SUBJECT TITLE : BAHASA KEBANGSAAN A  
LEVEL : DIPLOMA  
TIME / DURATION : 9.00 am – 12.00 noon  
( 3 HOURS )  
DATE : 06 MAY 2011

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. Please write your answers on the answer booklet provided.
4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer two (2) question only.
6. Answer all questions in Bahasa Melayu.

---

THERE ARE 12 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Kesemua perkataan berikut salah ejaannya **melainkan**
  - A. gembeling
  - B. korum
  - C. semalaysia
  - D. atur cara
2. "Kadar pengangguran yang tinggi, ditambah pula dengan peningkatan inflasi akan menjadikan kestabilan politik sesebuah negara."Ayat di atas menggunakan laras.
  - A. sastera.
  - B. ekonomi.
  - C. politik.
  - D. kebudayaan.
3. Perkataan yang manakah berikut ini memerlukan penggunaan tanda sempang?
  - A. SeMalaysia
  - B. sembilan puluh
  - C. Ibu tiri
  - D. kaudengar
4. "Ahmad ke Melaka petang semalam."Predikat dalam ayat ini merupakan
  - A. frasa kerja
  - B. frasa adjektif
  - C. frasa nama
  - D. frasa sendi nama
5. Sesuatu isu yang ditulis dalam sesebuah rencana
  - A. hanya akan dibaca untuk tempoh tertentu sahaja.
  - B. boleh dijadikan bahan rujukan pada bila-bila masa.
  - C. boleh dijadikan bahan rujukan tetapi untuk tempoh tertentu sahaja.
  - D. akan basi apabila isu yang ditulis itu sudah tidak dibincangkan lagi.

6. Yang manakah berikut ini ayat aktif yang mengandungi dua objek?
- Halimah menghidangi tetamunya kuih-muih.
  - Duli Yang Pertuan Agung akan menganugerahi para kenamaan pingat kebesaran sempena keputeraan baginda.
  - Pihak penganjur akan menyediakan minuman untuk para peserta.
  - Kertas cadangan akan saya sediakan secepat mungkin.
- A. I. Dan II.  
B. I. Dan III.  
C. II. Dan III.  
D. III. Dan IV.
7. "kita akan menyediakan plan bangunannya terlebih dahulu."
- Bentuk pasif bagi ayat aktif ini ialah
- Plan bangunannya akan kita sediakan terlebih dahulu.
  - Terlebih dahulu kita akan menyediakan plan bangunannya.
  - Plan bangunannya akan disediakan oleh kita terlebih dahulu.
  - Plan bangunannya akan disediakan terlebih dahulu oleh kita.
8. "Pegawai pencegah rasuah yang ditangkap kerana menerima rasuah telah dibawa ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia untuk disoal siasat dan akan dihadap ke muka pengadilan."
- Ayat majmuk di atas merupakan ayat majmuk.
- relatif
  - komplimen
  - gabungan
  - campuran
9. Ayat yang manakah berikut ini tidak gramatis?
- Dia rindukan ibunya di kampung.
  - Sudah tibalah masanya untuk Ahmad memperisterikan anaknya yang sudah sempurna kehidupannya.
  - Kemalangan sering berlaku pada musim-musim perayaan.
  - Dengan ini dimaklumkan bahawa majlis gotong-royong yang dijadualkan berlangsung pada hujung minggu ini terpaksa dibatalkan.

- \*10. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam sesebuah laporan perlu
- ringkas dan padat.
  - jelas dan meyakinkan.
  - panjang dan meleret-leret.
  - mengikut cita rasa penulis.
11. Dalam penulisan karangan, pengenalan berbentuk piramid songsang perlu ditulis mengikut susunan
- dimulai dengan pernyataan umum, diikuti dengan pernyataan hipotesis dan diakhiri dengan pernyataan menjurus.
  - dimulai dengan hipotesis, diikuti dengan pernyataan umum dan diakhiri dengan pernyataan menjurus.
  - dimulai dengan pernyataan umum, diikuti dengan pernyataan menjurus dan diakhiri dengan hipotesis.
  - dimulai dengan pernyataan menjurus, diikuti dengan hipotesis dan diakhiri dengan pernyataan umum.
12. Untuk menyempurnakan satu-satu isi yang dikemukakan dalam sesebuah karangan, sesuatu isi itu perlulah
- dibahagikan kepada beberapa perenggan
  - dipecahkan kepada sub-sub isi.
  - dimuatkan dengan ayat-ayat tanya
  - disusun secara hierarki.
13. Sesebuah laporan antara lain perlu dimuatkan perkara-perkara berikut **kecuali**
- ringkasan laporan
  - kandungan laporan
  - cadangan
  - perkaedahan.
14. Bahagian kertas yang memberi gambaran umum secara menyeluruh dalam sesebuah kertas kerja yang ditulis tidak melebihi dua ratus perkataan dikenali sebagai
- pengenalan
  - sinopsis
  - perbincangan
  - objektif

15. Antara ciri-ciri kertas kerja projek/cadangan ialah
- I. abstrak/sinopsis
  - II. objektif
  - III. jangka masa diperlukan
  - IV. kumpulan sasaran.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III. dan IV.
  - D. II, III dan IV.
16. Dalam penulisan karangan, antara aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian ialah
- I. tatābahasa dan ejaan
  - II. perumpamaan, simpulan bahasa dan bidalan.
  - III. tautan
  - IV. perengganan.
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV.
  - D. II, III dan IV.
17. Pilih ayat yang tidak gramatis.
- I. Mereka bersedia menyelesaikan perbalahan itu di luar mahkamah.
  - II. Kami kehujanan semasa dalam perjalanan ke mari.
  - III. Ali menjelaskan yang dia terpaksa menangguhkan majlis tersebut kerana kekurangan wang.
  - IV. Dia merelakan anaknya menyertai pasukan keselamatan demi untuk mempertahankan negara.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. II dan III.
  - D. III dan IV.

18. Ayat yang manakah berikut ini menggunakan struktur ayat songsang?
- Sakit ibu ketika kami menziarahinya minggu lepas.
  - Kanak-kanak itu sedang bermain di padang.
  - Sedang membasuh kain ibu ketika menerima perkhabaran itu.
  - Tembok itu terlanggar oleh sebuah lori.
- I dan II.
  - I dan III.
  - II dan III.
  - III dan IV.
- 
19. Sumber maklumat yang digunakan untuk penulisan rencana diperoleh daripada
- sumber-sumber rujukan yang dikaji
  - berwawancara dengan tokoh-tokoh yang berkaitan.
  - khabar-khabar angin.
  - fakta-fakta yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan.
- I, II dan III.
  - I, II dan IV.
  - I, III dan IV.
  - II, III dan IV.
20. Ayat-ayat yang manakah berikut ini tidak menggunakan kata pemerluri dengan betul?
- Kegagalan pasukan kita untuk memenangi perlawanan itu adalah disebabkan kecuaian pemain-pemain pertahanan kita.
  - Adalah diharapkan pihak tuan sudi menerima undangan ini.
  - Ali ialah seorang pelajar yang cemerlang.
  - Buah-buahan ini adalah untuk diserahkan semasa pertemuan di majlis itu nanti.
- I dan II.
  - I, II dan III.
  - II dan III.
  - III dan IV.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pembantu rumah Indonesia masih relevan.

SIAPA tak sakit hati membaca kes-kes penderaan majikan terhadap pembantu rumah asing seperti yang dilaporkan di media. Tetapi bagi majikan yang pernah berhadapan dengan kes pembantu rumah bermasalah tentu akan memberi reaksi sebaliknya. Malah mungkin ada yang tergamak berkata padan muka kepada pembantu rumah yang didera kerana mereka juga melalui pengalaman yang sama cuma cara 'penderaannya' sahaja berbeza.

Memang secara umumnya kita hanya mengetahui kebanyakan kes seperti penderaan hanya melibatkan pembantu rumah asing sahaja. Walau bagaimanapun, perlu juga diketahui bahawa terdapat sebilangan kes-kes penderaan yang berlaku melibatkan majikan yang didera oleh pembantu rumah mereka sendiri.

Selain itu, majikan juga turut dibebani dengan masalah lain seperti pembantu rumah lari dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka merasa terbeban dari segi mental akibat daripada masalah yang telah ditimbulkan oleh pembantu rumah.

Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Datuk Sheikh Yahya Sheikh Mohamed berkata, undang-undang di Malaysia tidak menyebelahi mana-mana pihak sekiranya mereka melakukan kesalahan. Di bawah Akta Kerja 1955, sekiranya pihak majikan atau pekerja melanggar kesalahan yang telah diperuntukan, tindakan akan dilakukan bagi memastikan pihak yang dianiyai diberi perlindungan sewajarnya.

Di samping itu, katanya, sekiranya ia melibatkan kes-kes jenayah dan Imigresen, pihak polis dan Imigresen akan mengambil tindakan bagi memastikan pihak yang teraniaya mendapat pembelaan sewajarnya.

"Pada masa ini, masalah terhadap isu ini masih terkawal. Pihak kerajaan melalui agensi berkaitan sentiasa mengambil tindakan bagi memastikan isu-isu yang berbangkit yang melibatkan pembantu rumah asing dapat ditangani dengan sebaiknya."

"Tidak dapat dinafikan, isu penderaan yang melibatkan pembantu rumah khususnya dari negara Indonesia telah menjasaskan hubungan kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, tindakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan isu yang berbangkit dapat diselesaikan dengan sebaiknya bagi mengelakkan masalah yang lebih serius.

"Jika berlaku kes-kes yang tidak diingini seperti barang dicuri oleh pembantu rumah, kes barang hilang, anak didera, jenayah dan sebagainya, buat laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM)," kata Sheikh Yahya.

"Manakala kes yang melibatkan seperti penderaan pembantu rumah oleh majikan, majikan tidak membayar gaji dan sebagainya, boleh dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang memberi perlindungan dari segi perundangan." katanya.

"Bagi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), yang merupakan agensi yang bertanggungjawab sekiranya berlaku penyalahgunaan pasport," jelas Sheikh Yahya.

Mengenai cadangan agar kerajaan membuka peluang mengambil pembantu rumah berskala besar dari negara lain selain Indonesia seperti Vietnam dan Kemboja, namun Sheikh Yahya berkata pada masa ini, Indonesia merupakan pembekal tenaga kerja terbesar berbanding negara sumber lain.

Antara faktor yang menyebabkan majikan di Malaysia cenderung untuk mengambil pembantu rumah dari negara berkenaan adalah kerana komunikasi dan bahasa, geografi dan demografi.

"Namun, pihak kerajaan juga telah mengadakan kerjasama dengan lapan lagi negara sumber seperti Thailand, Filipina, Sri Lanka, India, Laos, Nepal termasuklah juga Vietnam dan Kemboja. Walau bagaimanapun, negara sumber berkenaan tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi di samping kecenderungan pihak majikan yang lebih berminat untuk mengambil pembantu rumah dari negara Indonesia malah kerajaan pada masa sekarang menyarankan negara sumber sedia ada terus digunakan tanpa menambah negara sumber baru selaras dengan dasar kerajaan mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing," ujar beliau.

Katanya, pengambilan pembantu rumah dari Indonesia masih relevan. Di samping mempunyai persamaan dari segi bahasa, budaya dan adat resam dengan rakyat di negara

**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pembantu rumah Indonesia masih relevan.

SIAPA tak sakit hati membaca kes-kes penderaan majikan terhadap pembantu rumah asing seperti yang dilaporkan di media. Tetapi bagi majikan yang pernah berhadapan dengan kes pembantu rumah bermasalah tentu akan memberi reaksi sebaliknya. Malah mungkin ada yang tergamak berkata padan muka kepada pembantu rumah yang didera kerana mereka juga melalui pengalaman yang sama cuma cara 'penderaannya' sahaja berbeza.

Memang secara umumnya kita hanya mengetahui kebanyakan kes seperti penderaan hanya melibatkan pembantu rumah asing sahaja. Walau bagaimanapun, perlu juga diketahui bahawa terdapat sebilangan kes-kes penderaan yang berlaku melibatkan majikan yang didera oleh pembantu rumah mereka sendiri.

Selain itu, majikan juga turut dibebani dengan masalah lain seperti pembantu rumah lari dan sebagainya sehingga menyebabkan mereka merasa terbeban dari segi mental akibat daripada masalah yang telah ditimbulkan oleh pembantu rumah.

Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Datuk Sheikh Yahya Sheikh Mohamed berkata, undang-undang di Malaysia tidak menyebelahi mana-mana pihak sekiranya mereka melakukan kesalahan. Di bawah Akta Kerja 1955, sekiranya pihak majikan atau pekerja melanggar kesalahan yang telah diperuntukan, tindakan akan dilakukan bagi memastikan pihak yang dianiyai diberi perlindungan sewajarnya.

Di samping itu, katanya, sekiranya ia melibatkan kes-kes jenayah dan Imigresen, pihak polis dan Imigresen akan mengambil tindakan bagi memastikan pihak yang teraniaya mendapat pembelaan sewajarnya.

"Pada masa ini, masalah terhadap isu ini masih terkawal. Pihak kerajaan melalui agensi berkaitan sentiasa mengambil tindakan bagi memastikan isu-isu yang berbangkit yang melibatkan pembantu rumah asing dapat ditangani dengan sebaiknya."

"Tidak dapat dinafikan, isu penderaan yang melibatkan pembantu rumah khususnya dari negara Indonesia telah menjasakan hubungan kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, tindakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan isu yang berbangkit dapat diselesaikan dengan sebaiknya bagi mengelakkan masalah yang lebih serius.

"Jika berlaku kes-kes yang tidak diingini seperti barang dicuri oleh pembantu rumah, kes barang hilang, anak didera, jenayah dan sebagainya, buat laporan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM)," kata Sheikh Yahya.

"Manakala kes yang melibatkan seperti penderaan pembantu rumah oleh majikan, majikan tidak membayar gaji dan sebagainya, boleh dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang memberi perlindungan dari segi perundangan." katanya.

"Bagi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), yang merupakan agensi yang bertanggungjawab sekiranya berlaku penyalahgunaan pasport," jelas Sheikh Yahya.

Mengenai cadangan agar kerajaan membuka peluang mengambil pembantu rumah berskala besar dari negara lain selain Indonesia seperti Vietnam dan Kemboja, namun Sheikh Yahya berkata pada masa ini, Indonesia merupakan pembekal tenaga kerja terbesar berbanding negara sumber lain.

Antara faktor yang menyebabkan majikan di Malaysia cenderung untuk mengambil pembantu rumah dari negara berkenaan adalah kerana komunikasi dan bahasa, geografi dan demografi.

"Namun, pihak kerajaan juga telah mengadakan kerjasama dengan lapan lagi negara sumber seperti Thailand, Filipina, Sri Lanka, India, Laos, Nepal termasuklah juga Vietnam dan Kemboja. Walau bagaimanapun, negara sumber berkenaan tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi di samping kecenderungan pihak majikan yang lebih berminat untuk mengambil pembantu rumah dari negara Indonesia malah kerajaan pada masa sekarang menyarankan negara sumber sedia ada terus digunakan tanpa menambah negara sumber baru selaras dengan dasar kerajaan mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing," ujar beliau.

Katanya, pengambilan pembantu rumah dari Indonesia masih relevan. Di samping mempunyai persamaan dari segi bahasa, budaya dan adat resam dengan rakyat di negara

"ini, mereka juga merupakan negara jiran yang mempunyai pertalian rapat dengan negara ini khususnya dari segi sejarah dan pertalian keluarga.

Persamaan ini telah menyebabkan kebanyakan majikan di negara ini lebih berminat untuk mengambil pembantu rumah dari negara berkenaan.

"Pada masa ini juga, pihak kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan geran atau subsidi bagi menggalakkan pengambilan pembantu rumah di negara ini. Faktor kelayakan dan juga kemampuan adalah di antara perkara penting yang perlu diberi penekanan sebelum kebenaran diberikan untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah (syarat-syarat pengambilan dan kelayakan mendapat khidmat pembantu rumah boleh dirujuk kepada pihak KDN).

"Berdasarkan pengamatan pihak kerajaan, pengambilan pembantu rumah telah menjadi satu keperluan kepada rakyat di negara ini khususnya yang bekerjaya. Walaupun tujuan asalnya hanya dibenarkan kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan dan penjaagaan ahli keluarga seperti anak-anak, senario semasa ramainya suami-isteri yang bekerjaya menyebabkan khidmat pembantu rumah sangat diperlukan dan bukan lagi dilihat sebagai kehendak semata-mata.

"Pihak kerajaan juga tidak bercadang untuk mewujudkan skim bagi membolehkan ramai rakyat yang memerlukan pembantu rumah mendapat kemudahan tersebut. Perlu juga diketahui tujuan dan sebab utama pihak kerajaan membentarkan pengambilan pembantu rumah asing disebabkan permintaan pelbagai pihak khususnya rakyat yang bekerja," jelas Sheikh Yahya.

Beliau menambah, pihak kerajaan sentiasa memantau operasi Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang menjalankan operasi bagi mengambil pembantu rumah masuk ke negara ini dan menetapkan syarat supaya pihak agensi mendaftar sebarang maklumat mengenai pekerja yang digajikan di bawah agensi berdasarkan peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

(*Utusan Malaysia Online* 3 Mac, 2011.)

\* 1. Sila jawab semua soalan di bawah.

1. Apakah masalah-masalah yang ditimbulkan oleh sesetengah pembantu rumah terhadap majikannya?
2. Apakah yang dimaksudkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja apabila beliau mengatakan undang-undang di Malaysia tidak menyebelahi mana-mana pihak yang melakukan kesalahan?
3. Pada pendapat anda adakah isu-isu yang berkait dengan pembantu rumah seperti penderaan merupakan isu yang serius?
4. Pada pandangan anda, adakah isu konflik antara majikan dan pembantu rumah di Malaysia akan menjelaskan hubungan Malaysia dengan Negara-negara dari mana berasalnya pembantu-pembantu rumah ini? Berikan alasan bagi menyokong jawapan anda.
5. Berdasarkan kefahaman anda, kenapakah rakyat Malaysia lebih cenderung untuk mengambil pembantu rumah dari Indonesia?
6. Pada pandangan anda, apakah benar seorang pembantu rumah suatu keperluan dalam kehidupan zaman ini?
7. Pada pandangan anda, mampukah pembantu-pembantu rumah dari negara-negara selain dari Indonesia seperti Thailand, Vietnam, Laos dan sebagainya menjadi pembantu rumah yang baik?
8. Apakah "tindakan yang sebaik-baiknya" yang telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam menghadapi krisis pembantu rumah ini?
9. Pada pandangan anda kenapakah Kerajaan enggan memberi subsidi bagi tujuan pengambilan pembantu rumah?
10. Pada pendapat anda, wajarkah Kerajaan mengambil langkah untuk mengurangkan pergantungan Negara kepada pekerja asing termasuklah pembantu rumah dari Negara luar?

2. Sila baiki ayat-ayat berikut.

- A. Adalah diharapkan agar pihak tuan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan saya ini.
- B. Pihak pengurusan akan cuba memperbaiki segala kelemahan yang terdapat dalam program jati diri yang dianjurkan baru-baru ini.
- C. Di zaman Kerajaan Melayu Melaka ramai orang-orang Melayu terlibat dalam bidang perdagangan.

- D. Hampir kesemua penduduk-penduduk kota itu terpaksa dipindahkan akibat dari letusan gunung berapi itu.
- E. Ahmad memaklumkan yang dia tidak dapat datang esok kerana terpaksa membantu ibunya.
3. Sila tukarkan ayat-ayat transitif aktif berikut kepada ayat-ayat transitif pasif atau sebaliknya.
- A. Saya sanggup menyediakan minuman untuk jamuan nanti.
- B. Bapa saudarayalah yang membiayai persekolahannya sehingga dia berjaya.
- C. Aminah tersepak tungkul ketika pulang malam tadi.
- D. Pencuri itu kena tangkap polis ketika hendak melarikan diri.
- E. Anak-anak yatim itu kami raiikan dengan jamuan makan malam.
4. Sila isikan kata sendi yang sesuai bagi ayat-ayat berikut.
- A. Surat itu diterimanya \_\_\_\_ ayahnya.
- B. Suasana amat tenang \_\_\_\_ pagi yang permai itu.
- C. Semoga kebahagiaanmu berlanjutan hingga \_\_\_\_ anak cucu.
- D. Benang berasal \_\_\_\_ kapas.
- E. Rakyat Malaysia mestilah bersatu \_\_\_\_ kestabilan negara.
5. Sila tukarkan bentuk-ayat songsang berikut kepada bentuk ayat biasa.
- A. "Sakit ibu ketika kami menziarahinya minggu lepas."
- B. "Bermain kanak-kanak itu di padang."
- C. "Membasuh pakaian ibu sejak pagi tadi."
6. "Pak Musa cuba menyatakan sesuatu. Rumah itu bukan milik mereka. Tanah itu juga bukan milik mereka."
- Sila jadikan ayat-ayat tungan tersebut menjadi satu ayat majmuk.
7. "Mak Limah menghidangi tetamunya kuih-muih."
- Sila tukarkan ayat aktif dua objek tersebut supaya menjadi ayat aktif satu objek.

(40 markah)

**BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)**

**ARAHAN:** Jawab **1** soalan sahaja.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Tuliskan sebuah karangan mengenai salah satu tajuk berikut. Panjangnya karangan tersebut hendaklah tidak kurang daripada 400 patah perkataan. Bagi soalan 1, 2 dan 3, markah diberikan berdasarkan kriteria berikut:

1. Bahasa dan ejaan	16 markah
2. Pengenalan	2 markah
3. Penyusunan isi	4 markah
4. Pengolahan isi	6 markah
5. Perengganan	4 markah
6. Tautan	4 markah
7. Kesimpulan	2 markah
8. Tajuk	2 markah
<b>Jumlah</b>	<b>40 markah</b>

Manakala bagi soalan ke-4 pula markah diberikan berdasarkan kriteria berikut:

1. Bahasa dan ejaan	16 markah
2. Tajuk	2 markah
3. Gubahan plot	4 markah
4. Perkembangan konflik	6 markah
5. Perengganan	4 markah
6. Tautan	4 markah
7. Klimaks dan peleraian	4 markah
<b>Jumlah</b>	<b>40 markah</b>

**Soalan 1**

Hasil kraftangan rakyat Malaysia amat digemari para pelancong dari seluruh dunia.

Mampukah industri kraftangan menjadi antara sumber ekonomi utama negara?

Bincangkan.

**Soalan 2**

Kebanyakan taman haiwan di negara ini sudah kurang dikunjungi oleh rakyat jelata.

Bincangkan langkah-langkah yang mungkin diambil bagi mengembalikan pelawat-pelawat ke taman-taman haiwan ini.

**Soalan 3**

Peristiwa yang sukar dilupakan.

**Soalan 4**

Hasni masih belum dapat membuat keputusan sama ada untuk berjumpa Mr. Y atau tidak. Perkenalan mereka sudah melwati tiga bulan. Walaupun dia belum mengenali Mr. Y, namun Hasni yakin Mr. Y tentunya seorang yang berperibadi mulia.

Sepanjang tempoh mereka berhubung melalui Face Book tidak sekalipun Mr. Y menunjukkan tanda-tanda yang kurang menyenangkan. Malah, Mr. Y sering memberinya nasihat dan kata-kata peransang khasnya ketika dia berhadapan dengan masalah.

Seminggu yang lalu Mr. Y telah mengajaknya berjumpa. Dia mahu berkenalan dengan Hasni dengan lebih rapat lagi. Semalam Mr. Y mengajukan pertanyaan yang sama lagi. Malah Mr. Y telah menetapkan hari Sabtu ini untuk bertemuannya di ....

Sila selesaikan cereka di atas mengikut kreativiti anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**